



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 31 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	GOVT APPROVES RM65.26M FOR AGRO FOOD SCHEME, NEWS IN BRIEF, NST -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	SASARAN EMOSI KACAU?, LAPORAN KHAS, HM -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	EMOSI TAK STABIL BOLEH JADI PENYEBAB, LAPORAN KHAS, HM -3	
4.	BUAT MALU NAMA NEGARA, LAPORAN KHAS, HM -3	
5.	PENGANIAYA KENA TINDAKAN TEGAS, LAPORAN KHAS, HM -3	
6.	BERAS WANGI JELAPANG PADI, DALAM NEGERI, UM -31	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	RM35 JUTA BANTU PETANI, NELAYAN, NASIONAL, SH -11	LAIN-LAIN
8.	USAHAKAN TANAMAN SERAI TAMBAH PENDAPATAN, NEGARA, KOSMO -16	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Govt approves RM65.26m for Agro Food Scheme

KOTA BARU: In just four months, the government has approved an allocation of RM65.26 million for Agro Food Scheme to help micro-entrepreneurs and the Bottom 40 income group affected by the Covid-19 pandemic. Deputy Minister of Agriculture and Food Industries II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said the aid under the National Economic Recovery Plan channelled through Agrobank has benefited 7,855 agro entrepreneurs since its launch in June. "Agrobank also offers restructuring or rescheduling of payment facilities for affected entrepreneurs without compromising their Central Credit Reference Information System status. The application for this facility is open until June next year. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2020	HARIAN METRO	LAPORAN KHAS	2

HUKUMAN MENYEKSA HAIWAN

Akta Kebajikan Haiwan 2015 Individu yang menzalimi haiwan

Denda maksimum **RM75,000**

Penjara tidak melebihi **DUA TAHUN**

Atau kedua-duanya sekali

Seksyen 44(1)(d) Akta Haiwan 1953 (Pindaan 2006)

Jika terdapat pemilik haiwan meninggalkan haiwan peliharaan tanpa penjagaan yang betul seperti tidak cukup makanan dan dikurung dalam sangkar atau rumah yang mana boleh mengakibatkan kesakitan atau penderitaan kepada haiwan.

Denda maksimum **RM50,000**



Penjara tidak melebihi **SETAHUN**

Atau kedua-duanya sekali

Sub Seksyen 44(3) Akta Haiwan 1953

Perlakuan atau perbuatan dalam proses memamatkan atau persediaan untuk memamatkan mana-mana haiwan sebagai makanan untuk manusia adalah tidak terpakai bagi kesalahan kezaliman melainkan tindakan memamatkan itu disertakan dengan penderitaan tidak berpatutan.

KES BABITKAN PENGIANYAAN HAIWAN DI MALAYSIA

25 Ogos 2020

Monyet dan biawak dikesan sengaja ditembak dengan busur panah dipercayai berlaku di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Taman Tun Dr Ismail.

17 Ogos 2020

Benci terhadap kucing peliharaan jiran yang sering lalu dan berehat di halaman rumahnya menyebabkan lelaki warga emas menembak mati haiwan itu menggunakan pistol angin di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu, Kelantan.

15 Ogos 2020

Seekor kucing dibunuh dan kulitnya dilapah sebelum dijermur di atas kereta Perodua Axia di utara tanah air.

12 Julai 2020

Tiga kucing dibunuh kejam dengan dilemaskan dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong, Kuala Lumpur oleh seorang lelaki.

19 Mei 2020

Dua ekor anjing ditemui dibunuh dan dibakar di Medan Warisan, Jalan Air Putih, Kuantan, Pahang.

10 Februari 2020

Seorang lelaki ditahan selepas mencederakan dua anjing hingga parah di kepala dan mata hampir buta di Lukut, Negeri Sembilan.

24 Januari 2020

Seekor kucing ditemui dibunuh dalam keadaan keempat-empat kaki dan mulut dipotong sebelum bangkainya dibuang di sebuah bengkel.

14 Disember 2019

Seekor kucing ditemui dalam keadaan kedua-dua belah mata dicungkil hingga buta di Alor Setar, Kedah, baru-baru ini.

20 November 2019

Seekor anak kucing dibunuh kejam dengan digantung lehernya menggunakan tali di sebuah pondok di Tanjung Malim, Perak.

11 November 2019

Seekor anjing sengaja dicat keseluruhan tubuhnya dengan warna hijau di Subang Bestari, Shah Alam.

6 November 2019

Mahkamah Sesyen Selangor menjatuhkan hukuman penjara 34 bulan dan denda RM40,000 kepada seorang lelaki selepas didapati membunuh kucing dipercayai bunting dengan memasukkannya ke dalam mesin pengering di sebuah dobi layan diri.

11 September 2019

Dua lelaki membunuh seekor kucing bunting dengan memasukkannya ke dalam mesin pengering pakaian di kedai dobi layan diri di Taman Gombak Ria, Selangor.

31 Julai 2019

Seekor anjing ditetak sehingga menyebabkan mulutnya terputus di Kampung Tembovo, Penampang, Sabah.

19 Julai 2020

Seorang individu yang sanggup membakar seekor anak kucing menggunakan pemetik api sebelum kejadian itu tular di media sosial.

SASARAN EMOSI KACAU?

MyAct akui kes aniaya haiwan meningkat sebanyak tiga kali ganda sejak pelaksanaan PKP 18 Mac lalu

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Ekhwan Haque Fazlul Haque am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Adakah tempoh panjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 membuat segelintir individu hilang akal hingga tergamak mendera, menganiaya serta sengaja 'suka-suka' membunuh haiwan peliharaan?

Golongan ini ibarat manusia tidak bertamadun yang sanggup menyeksa haiwan lemah ini hingga cacat atau mengelupur kesakitan hingga mati. Sejak PKP dikuatkuasakan 18 Mac lalu, ternyata kes penganiayaan terhadap binatang dan haiwan peliharaan meningkat hampir tiga kali ganda ganda sekaligus menimbulkan persoalan adakah perbuatan ini satu bentuk luahan marah bagi melepaskan tekanan perasaan.

Perkara itu diakui Penganalisis Jenayah Haiwan Malaysia (MyAct) Arie Dwi Andika mengakui menerima aduan berhubung kes penganiayaan dan pembuangan haiwan setiap bulan sejak PKP dikuatkuasakan.

Malah, beliau mengakui peningkatan aduan diterima pihaknya amat ketara ketika ini berbanding tahun lalu dan tahun 2018.

Belian yang juga bekas Presiden Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia) mengakui, tabiat gemar menyeksa haiwan terutama kucing dan anjing di Malaysia semakin parah kebelakangan ini.

Menurutnya, dua haiwan ini paling kerap menjadi mangsa penyeksaan selain ayam, kambing, kerua, burung dan haiwan peliharaan lain.

"Jika melihat pada angka, hampir 50 kes penderaan dan bunuh haiwan dilaporkan oleh orang ramai sejak Januari lalu berbanding sekitar 15 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

Bagaimanapun angka sebenar diyakini lebih besar memandangkan ada kes tidak dilaporkan.

"Kebanyakan kes penganiayaan haiwan ini hanya diketahui umum apabila ia menjadi tular di media sosial," katanya ketika dihubungi wartawan.

Malah, menurutnya, kes pembuangan haiwan peliharaan terutama kucing semakin meningkat dengan alasan ia berpunca masalah ekonomi kesan Covid-19.

"Saya sedih apabila kes pembunuhan kucing menjadi-jadi. Apa dosanya kucing ini yang ditembak, disembelih atau dilemaskan di dalam mesin dobi layan diri hanya kerana perasaan benci si pelaku.

"Malah, ada antara kucing ini dihukum potong semua kakinya serta dipijak hingga keluar usus hanya kerana melarikan ikan di dapur.

"Bahkan banyak juga kes membabitkan haiwan ini yang sengaja diracun sehingga mati. Sebagai manusia, kesakitan ditanggung haiwan dianiaya itu amat mengguris naluri

kemanusiaan," katanya.

Menurutnya, jenayah kemanusiaan ini sesuatu yang tidak dapat diterima oleh akal waras sedangkan agama turut menegah perbuatan kejam ini.

Arie mengambil contoh kes kucing sengaja ditembak mati menggunakan pistol angin di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu, Kelantan

dan seekor kucing dibunuh sebelum kulitnya dilapah dan dijermur di atas kereta.

"Ini termasuk kes tiga kucing dibunuh kejam dengan dilemaskan dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong serta anjing ditetak dengan parang hingga cacat.

"Sikap segelintir masyarakat yang melepaskan kemarahan terhadap haiwan berpunca masalah peribadi adalah tidak adil dan boleh dikategorikan sebagai

gangguan mental emosi.

"Jangan kerana ada masalah rumahtangga, tiada pekerjaan, rasa terganggu dan sebagainya dijadikan 'lesen' untuk menganiaya haiwan," katanya yang mengakui kebanyakan penganiayaan haiwan dilakukan orang dewasa.

Justeru, katanya, pendidikan mengenai kesedaran menjaga kebajikan haiwan perlu dipupuk sejak kecil lagi.

"Saya sendiri mengandaikan bahawa kesedaran bagaimana



Kebanyakan kes penganiayaan haiwan ini hanya diketahui umum apabila ia menjadi tular di media sosial"

Arie Dwi



menghormati hak haiwan ini masih rendah. Sekiranya tiada pendidikan di peringkat sekolah dan universiti, saya percaya yakin isu ini tiada penyelesaian.

Katanya, penjenayah haiwan dibahagikan kepada dua kategori iaitu disebabkan masalah psikologi dan kedua, masalah suka-suka menganiaya haiwan.

Di Malaysia, bagi kelompok haiwan domestik, kucing dan anjing adalah binatang yang kerap dianiaya dan didera.

Manakala, monyet, beruk dan kera adalah haiwan liar paling banyak dianiaya manusia.

"Selain itu, saya dapati penganiayaan turut berpunca tabiat masyarakat yang membela haiwan

kerana mengikut trend dan bukan benar-benar kasihkan haiwan.

"Keadaan itu menyebabkan mereka tidak rasa bersalah jika membuang haiwan peliharaan seperti kucing mahu pun anjing sekiranya sudah tidak mahu dibela.

"Jumlah haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing yang dibuang pemilik semakin menjadi-jadi sejak pelaksanaan PKP hingga mencapai ratusan kes berdasarkan aduan diterima," katanya.

Beliau berkata, lebih menyedihkan ada haiwan yang ditemui sudah kaku tidak bernyawa kerana tidak mampu berkidari untuk mencari makanan sendiri bagi meneruskan kelangsungan hidup.

"Penambahan haiwan yang dibuang ini disadari pemberi makan haiwan jalanan yang

berkolaborasi dengan Persatuan Haiwan Malaysia.

"Saya ada terima maklumat daripada pemberi makan haiwan jalanan berhubung pertambahan tiga kali ganda anjing atau kucing di sesebuah kawasan dan ia meningkat saban hari.

"Jadi ini terbukti sikap masyarakat yang mengambil jalan mudah dengan membuang haiwan peliharaan apabila sudah tidak mahu membelanya tanpa ada sifat kemanusiaan," katanya.

Arie berkata, kerajaan perlu menambah baik undang-undang yang dapat menyekat trend ini daripada terus berlaku seterusnya - mengelak daripada berlaku penganiayaan terhadap haiwan.

"Trend ini akan semakin menjadi-jadi apabila penguat kuasa undang-undang tidak ketat malah dipandang sambil lewa oleh masyarakat," katanya.

Emosi tak stabil boleh jadi penyebab

Kuala Lumpur: Emosi tidak stabil yang dikaitkan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilihat antara faktor peningkatan kes penderaan haiwan sejak kebelakangan ini.

Pakar Psikologi Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dr Fauziah Mohd Saad berkata, tekanan itu cuba 'diselesaikan' sesetengah individu dengan menjadikan haiwan sebagai sasaran.

Menurutnya, kesihatan mental yang tidak diuruskan dengan baik boleh menyebabkan seseorang itu hilang pertimbangan.

"Kes penderaan haiwan sejak akhir-akhir ini dipengaruhi kesihatan mental pelaku yang semakin merosot.

"PKP menyebabkan kehidupan seharian tersekat dan tekanan yang tidak diuruskan dengan baik menyumbangkan kepada penderaan haiwan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Beliau berkata, kesihatan mental berbahaya kepada masyarakat jika gagal dikawal kerana ia memberi pelbagai impak negatif lain.

Katanya, seseorang itu perlu mengetahui tahap kesihatan mental sendiri dan cuba mencari aktiviti

yang mampu mengurangkan tekanan.

"Apabila tiada aktiviti yang dilakukan mendorong wujudnya tekanan kerana manusia adalah makhluk sosial yang sudah terbiasa dengan aktiviti harian seperti bersosial.

"Namun, bila adanya PKP kerana Covid-19, aktiviti itu tidak dapat dilakukan untuk tempoh yang lama," katanya.

Tambahnya, bagi mengatasi masalah ini, masyarakat disaran merancang aktiviti berfaedah seperti bersenam atau aktiviti kerohanian yang mampu mengurangkan tekanan.

Buat malu nama negara

Kuala Lumpur: "Setiap kali kes penderaan tular di media sosial, rakyat Malaysia dikecam warganet antarabangsa dan dilabelkan sebagai tidak bertamadun."

Presiden Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM), R Kalafvanan berkata, situasi itu pastinya memalukan Malaysia apabila kes kekejaman terhadap binatang ini menjadi topik bualan oleh masyarakat luar.

Menurutnya, dianggarkan hampir 50 kes kekejaman terhadap haiwan dilaporkan kepada pihaknya sejak Mac lalu.

"Antaranya adalah kes membuang kucing dan anjing, memelihara haiwan tanpa keperluan asas mencukupi, haiwan dibiarkan kebuluran, malah ada juga dipukul, dipotong dan diracun.

"Malangnya 50 peratus kes ini tidak mempunyai bukti mencukupi untuk dibawa ke muka

pengadilan," katanya. Beliau berkata, sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, seharusnya kes haiwan jalanan dizalimi tidak berlaku secara berleluasa.

"Sewajarnya masyarakat Malaysia menyayangi haiwan peliharaan dan jalanan.

"Bagi penggemar haiwan peliharaan, mereka tertakluk kepada beberapa keperluan utama iaitu persekitaran dan diet makanan sesuai, memastikan haiwan kelakuan semula jadi, ditempatkan bersama atau berasingan dan dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan atau penyakit," katanya.

Justeru, katanya, pendidikan berterusan serta kempen kesedaran mengenai perlindungan kebajikan haiwan perlu dipertingkatkan pihak berkaitan berikutan Malaysia bukan tempat tinggal pendera haiwan.

"Akta sedia ada juga mendidik rakyat mempunyai sikap bertanggungjawab dengan memastikan haiwan peliharaan atau terbiar mempunyai huk untuk hidup serta dilindungi daripada sebarang penderaan.

"Akta Kebajikan Haiwan 2015 memperuntukkan jika individu gagal menjalankan tanggungjawab menjaga kebajikan haiwannya, maka haiwan itu akan diambil dan pemiliknya tidak dibenarkan mengambil haiwan peliharaan lain untuk tujuan jagaan selama setahun.

"Tanggungjawab memelihara kucing, anjing, arnab atau haiwan ternakan lain, termasuk lembu, kambing adalah besar. Pemilik bukan sahaja memastikan makan dan minum dijaga rapi, tetapi wajib mengambil berat soal kesihatan dan ruang persekitaran habitat semula jadi," katanya.

Penganiaya kena tindakan tegas

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan segera menyasiat dan mengambil tindakan tegas sebaik mendapat maklumat penganiayaan haiwan yang tular media sosial.

Jurucakap JPV berkata, setakat ini kebanyakan individu yang didapati menyeksa atau membunuh haiwan peliharaan sudah didakwa di mahkamah mengikut Akta Kebajikan

Haiwan 2015.

"Ia membabitkan perlakuan memukul, menyepak, mendera atau menakutkan mana-mana haiwan. Selain itu merantai haiwan menggunakan rantai tidak bersesuaian atau mengurung haiwan di dalam sangkar sempit juga adalah satu kealahan.

"JPV turut mengambil tindakan terhadap pemilik haiwan yang mengabaikan haiwan hingga mengalami

trauma, kesakitan atau penderitaan atas sebab penempatan semula, kebuluran, dahaga, kecederaan atau penyakit," katanya.

Ketika ini, kesedaran awam dan badan bukan kerajaan (NGO) terhadap kebajikan haiwan jelas meningkat.

Beliau menasihatkan masyarakat supaya tidak melakukan kekejaman ke atas haiwan.



ANTARA haiwan yang diseksa dan dibunuh yang tular di media sosial.

31/10/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Beras wangi Jelapang Padi

Oleh **ABDUL RASHID****ABDUL RAHMAN**

utusainews@mediamulla.com.my

ROMPIN: Kawasan Sawah Paya Sepayang di sini bakal menjadi antara perintis penanaman beras wangi dalam usaha membangunkan Jelapang Padi Pahang.

Pengarah Kawasan Pembanguan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin, Mohd. Faizul Miran berkata, berdasarkan cadangan, kawasan sawah seluas 280 hektar (ha) akan dimulakan dengan tanaman beras wangi pada Mei tahun depan.

"Pemilihan Sawah Paya Sepayang dilihat sesuai berdasarkan pelbagai pembangunan infrastruktur termasuk program perataan tanah selain kerjasama baik daripada petani.

"Jadi kita bercadang penanaman padi beras wangi MRQ 76. Ini adalah projek bersama FGV Holding Berhad (FGV) bagi menjadikan beras wangi tempatan di bawah produk *Saji* pada tahun depan," katanya kepada Utusan-Malaysia pada majlis gotong-royong bersama pesawah Paya Sepayang di Paya Sepayang, di sini semalam.

Paya Sepayang mempunyai 122 pesawah berdaftar dengan keluasan 280 ha merupakan salah satu projek penanaman padi berpotensi yang menumpukan kepada pertanian lestari.

Menurut Mohd. Faizul, pihaknya kini melakukan



MOHD. FAIZUL MISRAN (dua, kiri) bersama pesawah Paya Sepayang membersihkan rumput pada tanaman pokok ros Jepuni yang ditanam bagi mewujudkan perumah kepada serangga yang memakan serangga perosak padi di Paya Sepayang di Rompin Pahang. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

perbincangan dengan pihak berkaitan bagi mendapat insentif dan bantuan untuk memulakan penanaman beras wangi.

"Antara dibincangkan ialah mengenai harga beras wangi bagi memberi pulangan kepada pesawah," kata beliau.

Dalam pada itu, mengulas tentang hasil beras wangi yang dibimbangi kurang berbanding beras biasa beliau berkata, po-

tensi produk baharu itu akan dimilai pada musim kedua penanaman padi.

Katanya, pihak IADA akan terus melakukan pemantauan dan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) secara bertepatan.

Sementara itu, beliau berka-

ta, pihaknya akan terus memberi fokus kepada pertanian lestari di Sawah Paya Sepayang menggunakan burung pungguk seperti dilaksanakan di situ bagi mengawal serangga perosak.

Selain itu, katanya, pihaknya juga sedang berusaha mewujudkan pesawah yang mempunyai sijil Amalan Pertanian Baik (MyGap).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

RM35 juta bantu petani, nelayan

KOTA KINABALU - Sebanyak RM35 juta peruntukan akan diberikan kepada pemain industri pertanian di Sabah menerusi Bantuan Prihatin Covid-19 yang diumumkan kerajaan negeri baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan berkata, ia bagi membantu mereka yang terjejas akibat pandemik tersebut.

Menurutnya, seramai 116,248 penerima yang berdaftar di bawah Kementerian melibatkan pelbagai segmen industri di Sabah



JEFFREY KITINGAN

akan mendapat manfaat daripada peruntukan tersebut.

“Setiap penerima akan menerima sebanyak RM300 secara one off melalui peruntukan tersebut.

“Antara yang akan menerima peruntukan itu termasuk petani, nelayan, pekebun kecil, penternak, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), Koperasi Pembangunan Desa dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS),” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2020	KOSMO	NEGARA	16

Usahakan tanaman serai tambah pendapatan

PONTIAN - Penularan Covid-19 sejak awal tahun ini menyebabkan ramai rakyat negara ini kehilangan sumber pendapatan dan pekerjaan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada Mac lalu.

Mereka terpaksa beralih ke bidang lain atau mencari sumber pendapatan baharu bagi menyara keluarga termasuk menampung perbelanjaan harian anak-anak yang bersekolah.

Bagi Md. Khairul Faiz Mustafa, 36, sejak PKP dilaksanakan, perniagaan burger yang diusahakan pada waktu malam merosot dan dia kehilangan pendapatan kira-kira RM2,000 dalam masa tiga bulan.

Sepanjang tempoh itu, Md. Khairul menggunakan wang simpanan untuk menampung perbelanjaan selain berusaha mencari pendapatan dalam bidang lain.



MD. KHAIRUL mengusahakan tanaman serai bagi menambah pendapatan di Kampung Bakar Arang, Pekan Nenas di Pontian.

"Setelah meneliti dan mengenal pasti bidang yang bersesuaian, saya ambil keputusan untuk tanam serai dan pisang tanduk.

"Saya menyewa sebidang tanah seluas 0.8 hektar milik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pekan Nenas di Kampung

Bakar Arang untuk melaksanakan projek ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Lelaki itu berkata, dia menggunakan wang simpanan berjumlah RM20,000 untuk kerja pembersihan, penyediaan tapak dan membeli anak benih pokok.

"Sebanyak 4,000 pokok serai dan 1,000 pokok pisang tanduk telah ditanam. Serai dijangka boleh dituai pada bulan depan.

"Saya juga masih berniaga burger bagi menambah pendapatan sekiranya PKP dilaksanakan semula," katanya.

Tambahnya, bidang pertanian amat mencabar kerana kawasan yang diusahakan adalah belukar selain serangan babi hutan serta monyet.

"Saya terpaksa mengeluarkan belanja sendiri sebanyak RM2,000 untuk memasang panel elektrik bagi mengatasi masalah itu," katanya.